

KENYATAAN TAWARAN TENDER

Tawaran adalah dipelawa daripada **kontraktor-kontraktor Bumiputra yang berdaftar serta berkelayakan seperti berikut** :-

Bil	Tajuk Kerja	Harga Dokumen	Kelayakan	Taklimat & Lawatan Tapak	Tarik Tutup Tender
1.	Cadangan Kerja-Kerja Senggaraan Dan Pembaikan Kecil Di Wisma Lebuhraya (Blok A dan Blok B), Pejabat Wilayah Tengah, Dewan Serbaguna Serta Bangunan-Bangunan Berkaitan Di Ibu Pejabat Lembaga Lebuhraya Malaysia, Kajang, Selangor Darul Ehsan (2009-2011)	RM80.00	i) Kem. Kewangan 220401 dan 220402 ii) Berdaftar dengan CIDB	Tarikh: 3/2/2009 Jam : 10.00 pagi Tempat: Bilik Auditorium, Ibu Pejabat, LLM, KM 6, Jalan Serdang-Kajang, 43000 Kajang, Selangor Tel: 03-87373000	23/2/2009 Jam: 12.00 tgh

1. Dokumen-dokumen tawaran boleh dibeli di Bahagian Ukur Bahan & Kontrak Ibu Pejabat, Lembaga Lebuhraya Malaysia, KM 6 Jalan Serdang Kajang, 43000 Kajang Selangor Darul Ehsan mulai/pada **29/1/2009** hingga **16/2/2009** pada waktu seperti berikut:-

Isnin hingga Khamis	-	8.30 pagi hingga 12.30 tgh
	-	2.15 ptg hingga 4.30 ptg
Jumaat	-	8.30 pagi hingga 12.00 tgh
	-	3.00 ptg hingga 4.30 ptg

2. Bagi tujuan di atas, sila bawa **SIJIL ASAL** dari **Kementerian Kewangan**, **SIJIL ASAL Pengiktirafan Taraf Bumiputra** dari **Kementerian Kewangan** dan **SIJIL ASAL** dari **CIDB** yang masih berkuatkuasa serta satu salinan pendua sijil-sijil berkenaan untuk simpanan dan rekod pejabat ini.
3. Taklimat Tender dan Lawatan Tapak adalah **diwajibkan** kepada semua petender yang menyertai tawaran tender ini. Mana-mana petender yang tidak menghadiri taklimat dan lawatan tapak tidak akan dipertimbangkan untuk menyertai tawaran tender ini. Kehadiran hendaklah oleh wakil sah yang diberi kuasa dengan sepenuhnya.
4. Bayaran dokumen adalah sebanyak **RM80.00** senaskah dan tidak dikembalikan. Bayaran hendaklah dibuat atas nama **Ketua Pengarah LLM dengan menggunakan Bank Draft/Wang Pos/Kiriman Wang**. Bayaran secara tunai tidak akan diterima.
5. Tawaran Tender hendaklah sampai selewat-lewatnya sebelum atau pada jam **12.00 tengahari**, pada tarikh **23/2/2009 di Bahagian Ukur Bahan & Kontrak, Ibu Pejabat LLM, KM 6 Jalan Serdang Kajang, 43000 Kajang, Selangor**. Tender-tender yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.
6. Pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tender.